

GARIS PANDUAN MENGENAI GALAKAN CUKAI BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN

Malaysia, dalam usahanya untuk menjadi sebuah negara maju telah menggariskan beberapa matlamat, objektif dan strategi yang khusus. Teras utama ialah untuk menghasilkan sebuah ekonomi yang seimbang, asas-luas, kukuh dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Dalam usaha mencapai visi ini, strategi-strategi dan program-program yang khusus akan diberi penekanan. Menyedari pentingnya sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi, bukan sahaja dalam menghasilkan keluaran nilai ditambah dan pekerjaan, tetapi juga dalam mengurangkan defisit imbalan pembayaran, usaha-usaha telah dibuat untuk mengenalpasti dasar-dasar dan strategi-strategi untuk membangunkan sektor ini, dengan maksud untuk membolehkannya memainkan peranan utama dalam ekonomi.

2. Kerajaan telah mengenalpasti beberapa subsektor daripada sektor perkhidmatan iaitu pengangkutan, komunikasi dan kemudahan awam yang semakin menonjol dan bertambah penting. Adalah dijangkakan bahawa pelaburan dalam subsektor-subsektor, tersebut akan dapat memperbaiki pertumbuhan ekonomi negara dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor lain dalam ekonomi. Justeru itu, dalam Belanjawan 1996, Kerajaan telah menyediakan beberapa galakan dan kemudahan cukai bagi menggalakkan pelaburan dalam projek-projek terpilih dalam subsektor pengangkutan, komunikasi dan kemudahan awam. Projek-projek ini hendaklah diluluskan oleh Menteri Kewangan dan dikenali sebagai Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan (PPL). Dalam meluluskan galakan cukai bagi PPL, kriteria-kriteria berikut adalah diambilkira:

- (i) pelaburan modal yang besar dan tempoh pulangan yang panjang;
- (ii) penggantian import dan potensi eksport dan perolehan pertukaran asing;
- (iii) penggunaan dan pemindahan teknologi terkini;

- (iv) pewujudan peluang pekerjaan dan penggunaan khidmat kepakaran;
- (v) kadar tarif yang dikawal oleh Kerajaan; dan
- (vi) menyumbang ke arah peningkatan kecekapan sektor-sektor lain dalam ekonomi.

3. Galakan cukai utama yang dicadangkan untuk PPL adalah sama ada pengecualian cukai di bawah Seksyen 127 atau Elaun Pelaburan (EP) di bawah Jadual 7B, Akta Cukai Pendapatan 1967. Jenis dan kadar pengecualian yang layak dipertimbangkan di bawah kedua-dua alternatif, tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**(i) Pengecualian Cukai di Bawah Seksyen 127
Akta Cukai Pendapatan 1967**

Syarikat PPL akan dikecualikan daripada cukai pendapatan di antara 70 peratus hingga 100 peratus di peringkat pendapatan berkanun untuk tempoh 5 hingga 10 tahun daripada tarikh pertama pendapatan diperolehi berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan. Jenis-jenis pengecualian adalah seperti berikut:

(a) pengecualian cukai sebanyak 70 peratus ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun. Baki 30 peratus daripada pendapatan berkanun adalah tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar cukai korporat semasa.

(b) pengecualian cukai sebanyak 85 peratus ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun bagi syarikat yang melaksanakan projek di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan yang dikenali sebagai Koridor Timur di Semenanjung Malaysia. Baki 15 peratus daripada

pendapatan berkanun adalah tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar cukai korporat semasa.

- (c) pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun bagi syarikat yang melaksanakan projek kepentingan nasional dan strategik.

Dividen yang dibayar kepada pemegang saham, daripada pendapatan yang dikecualikan cukai, juga dikecualikan daripada cukai pendapatan. Elaun modal hendaklah dihabiskan dalam tempoh pengecualian cukai. Ini bermakna sebarang elaun modal yang tidak digunakan dalam tempoh tersebut tidak dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya, manakala kerugian yang dialami dalam tempoh pengecualian tidak boleh dibawa ke hadapan.

Borang permohonan (BAC 1/96) bagi pengecualian cukai di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diperolehi daripada Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan, Putrajaya.

**(ii) Elaun Pelaburan (EP) Di Bawah Jadual 7B
Akta Cukai Pelaburan 1967**

Di bawah EP, syarikat akan dipertimbangkan elaun di antara 60 peratus hingga 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh 5 tahun mulai tahun pertama perbelanjaan modal yang layak dibuat. Jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun ialah di antara 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan. Jenis-jenis elaun adalah seperti berikut:

- a) EP sebanyak 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70 peratus daripada pendapatan berkanun.

- b) EP sebanyak 80 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 85 peratus daripada pendapatan berkanun. Elaun ini boleh dipertimbangkan kepada syarikat yang melaksanakan PPL di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan yang dikenali sebagai Koridor Timur di Semenanjung Malaysia.

- c) EP sebanyak 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran tidak dihadkan. Elaun ini boleh dipertimbangkan kepada syarikat yang melaksanakan projek PPL kepentingan nasional dan strategik.

Dividen yang dibayar kepada pemegang saham daripada pendapatan yang dikecualikan cukai juga dikecualikan daripada cukai pendapatan. Elaun modal yang belum terpakai boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya sehingga selesai walaupun tempoh elaun telah tamat.

Borang permohonan (BAC 1/96) bagi EP di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967, boleh diperolehi daripada Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan, Putrajaya.

4. Syarikat yang melaksanakan PPL yang mendapat galakan cukai sama ada pengecualian cukai atau EP juga boleh mendapat galakan tambahan seperti berikut:

i) **Elaun Bangunan Perindustrian**

Elaun Bangunan Perindustrian (EBP) yang dicadangkan ialah 10 peratus sebagai elaun permulaan dan 2 peratus elaun tahunan. EBP layak dituntut ke atas perbelanjaan modal yang membina atau membeli bangunan yang digunakan bagi pengendalian perkhidmatan.

ii) **Pengecualian Cukai Bagi Bahan Dan Peralatan**

Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan dan peralatan yang diimport oleh sebab tidak dikeluarkan dalam negeri dan juga cukai jualan serta cukai eksais ke atas bahan dan peralatan yang dibeli dari dalam negeri layak dipertimbangkan dengan syarat bahan dan peralatan berkenaan digunakan secara langsung dalam pelaksanaan PPL. Kemudahan ini juga layak dinikmati bagi latihan dan penyelidikan & pembangunan yang tidak terdapat dalam negeri.

Borang permohonan (BAC 2/96) bagi pengecualian cukai ke atas mesin dan bahan-bahan boleh diperolehi daripada Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan, Putrajaya.

5. Selain daripada galakan-galakan cukai di atas, beberapa galakan cukai yang lain juga disediakan bagi seluruh sektor perkhidmatan, iaitu:

**i) Potongan Dua Kali Bagi Perbelanjaan
Promosi Eksport Perkhidmatan**

Galakan potongan dua kali untuk perbelanjaan yang terlibat dengan promosi eksport perkhidmatan yang dinikmati oleh subsektor pelancongan masa kini dicadang untuk diperluaskan kepada seluruh sektor perkhidmatan. Perbelanjaan-perbelanjaan yang layak adalah seperti berikut:

- penyelidikan/pasaran eksport;
- penyediaan tender bagi eksport perkhidmatan;
- penyediaan maklumat teknikal;
- tambang kapal terbang keluar negeri bagi pegawai syarikat yang membuat perjalanan untuk tujuan perniagaan dalam perkhidmatan;
- penginapan dan elaun sara hidup di luar negeri tertakluk kepada jumlah maksimum RM300 semalaman untuk penginapan dan RM150 elaun sara hidup;
- kos penyelenggaraan pejabat di luar negeri untuk tujuan promosi perkhidmatan.

Potongan dua kali untuk promosi eksport perkhidmatan kepada syarikat-syarikat yang layak dipertimbangkan galakan cukai di bawah Seksyen 127 atau Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967, boleh dikumpulkan dan dipotong daripada pendapatan selepas tempoh galakan berakhir.

Borang permohonan (JHDN/DD 1/96) bagi potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk promosi eksport perkhidmatan boleh diperolehi daripada Bahagian Teknikal, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Kuala Lumpur.

ii) Potongan Dua Kali Bagi Penyelidikan & Pembangunan

Syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan layak menikmati galakan potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan. Bagi maksud ini, penyelidikan dan pembangunan ditakrifkan sebagai:

“Penyelidikan dan pembangunan bermakna sebarang kajian sistematik dan intensif di dalam bidang sains atau teknologi dengan maksud menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau pembaikan bahan, alat keluaran atau proses tetapi tidak melibatkan:

- (i) kawalan kualiti ke atas keluaran atau ujian berkala ke atas bahan, alat atau keluaran;
- (ii) penyelidikan dalam sains sosial atau kemanusiaan;
- (iii) pengumpulan data yang berkala;
- (iv) kajian kecekapan atau pengajian pengurusan; dan
- (v) kajian pasaran atau promosi.

Perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan dua kali adalah seperti berikut:

- (a) perbelanjaan bukan modal yang dibelanjakan, dalam penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di Bawah Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (b) pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan institusi penyelidikan yang diluluskan* syarikat penyelidikan dan

pembangunan** dan syarikat penyelidikan dan pembangunan berkontrak** di bawah Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967;

- (c) sumbangan wang tunai yang dibuat kepada institusi penyelidikan yang diluluskan di bawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967;

Borang permohonan untuk (a) (MIDA R&D 3) boleh diperolehi daripada Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Plaza Sentral, Kuala Lumpur. Bagi galakan-galakan (b) dan (c), syarikat berkenaan perlulah membuat tuntutan dalam borang taksiran cukai tahunan dengan mengemukakan bersama invois dan resit yang dikeluarkan oleh syarikat/institusi yang berkaitan sebagai bukti.

Nota:

* Institusi penyelidikan yang diluluskan adalah termasuk seperti berikut:

- (a) semua institusi penyelidikan kerajaan, termasuk institusi yang diperbadankan di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965;
- (b) universiti yang dibiayai oleh kerajaan yang menjalankan penyelidikan selaras dengan takrifan R&D seperti di atas;

** syarikat R&D atau R&D berkontrak merujuk kepada syarikat yang ditubuhkan selaras dengan Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

(iii) Potongan Dua Kali Bagi Latihan

Syarikat-syarikat di bawah sektor perkhidmatan yang tidak diliputi oleh Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) adalah layak menikmati potongan dua kali ke atas perbelanjaan latihan, jika latihan tersebut dijalankan menerusi institusi latihan yang diluluskan atau sebarang institusi latihan kerajaan. Untuk melayakkan diri sebagai institusi latihan yang diluluskan, ia mestilah menjadi institusi yang berbentuk persatuan.

Bagi tujuan menikmati galakan, syarikat berkenaan haruslah membuat tuntutan dalam borang taksiran cukai tahunan dengan mengemukakan bersama-sama invois dan resit yang dikeluarkan oleh institusi latihan yang diluluskan atau institusi latihan kerajaan sebagai bukti.

6. Semua pertanyaan mengenai galakan cukai bagi sektor perkhidmatan haruslah dibuat ke Kementerian Kewangan di alamat berikut:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya.

Tel: 03-88823000

Fax: 03-88823885

